

13



MULTAQA ULAMA SEDUNIA

ملتقى العلماء العالمي

WORLD CONFERENCE OF ISLAMIC SCHOLARS

Putrajaya, 10-12 Julai, 2003

KERTAS KERJA XIII

**Konsep Irhab Di Dalam Al-Quran
Dan Al-Sunnah Mengikut Pengertian Barat**

Oleh:

Dr. Abdul Razzak Abdul Rahman Al-Sa'di

Putrajaya, Malaysia

11 Julai, 2003

Konsep Irhab di dalam Al-Quran dan Al-Sunnah Mengikut Pengertian Barat

Oleh:

Prof. Dr. Abdul Razak Abdul Rahman al-Sa'di



Segala pujian bagi Allah s.w.t., serta selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w.

Antara istilah baru pada hari ini ialah "irhab" (keganasan). Ia telah memasuki bidang politik dengan seluas-luasnya dan telah diberi perhatian berat oleh pihak media massa dengan memberikan liputan yang meluas mengenainya. Segolongan manusia telah dikenakan berbagai-bagai tuduhan manakala segolongan yang lain pula dibebaskan dari tuduhan yang berkaitan dengan irhab ini. Berbagai-bagai ketetapan telah dibuat sama ada di peringkat tempatan mahupun antarabangsa berkaitan dengan mereka yang dikaitkan dengan perkara ini. Dan tidak kurang juga berbagai-bagai hukuman dan dakwaan dibuat, walaupun di sana tidak terdapat konsep atau pengertian juga undang-undang yang jelas tentang irhab.

Kebanyakan masyarakat yang menerima bencana dan pelbagai tuduhan serta tohmahan yang berkaitan dengan istilah irhab ini adalah masyarakat Islam. Ini dilakukan atas berbagai-bagai dorongan. Adalah menjadi kewajipan ke atas para ulama Islam untuk memikul tanggungjawab dalam membuat kajian mengenai perkara ini dan menonjolkan pendirian al-Quran dan Hadis, dan menerangkan kepada dunia mengenai konsep atau pengertian "irhab di dalam Islam" bersandarkan teks perundangan yang betul, serta melakukan perbandingan dengan konsep ataupun pengertian yang diberikan oleh pihak Barat. Pihak Barat telah menyebarkan istilah ini dan telah mengaitkannya dengan sesiapa saja yang dikehendakinya, seterusnya mengadakan kempen untuk memerangi dan mengadakan berbagai-bagai tekanan dan pemburuan ke atas mereka yang dikaitkannya dengan istilah tersebut. Perkara ini diketuai oleh Amerika yang merupakan satu-satunya negara yang sombong dan takbur dan cuba menguasai politik dunia.

Sehubungan dengan itu saya dengan rendah diri ingin mengemukakan kertas kerja berkaitan dengan perkara ini semoga Allah s.w.t. memberikan taufik kepada para ulama dalam usaha mereka ke arah menyatupadukan umat Islam dalam semua urusan mereka dan seterusnya sama-sama dapat menyekat kemaraan musuh.

Pertama: Pengertian Irhab di dalam Bahasa Arab

Dikatakan *Rahiba, yarhabu, rahbatan, ruhban, rahaban*: bermakna takut dan gerun. Antara penggunaannya *arhabahu*, bermakna menakutkannya. Dikatakan juga *arhaba 'anhu al-nasa ba'suhu wa majdatuhu* bermakna: orang ramai telah merasai gerun dengan kehebatannya dan keagungannya.

Irhab adalah kata terbitan yang memberi maksud menakutkan dan menggerunkan. Manakala perkataan *rahīb* dan *marhub* adalah sesuatu yang ditakuti dan digeruni seperti singa dan yang lain-lain seumpamanya. Di dalam hadis doa: *رغبة ورهبة اليك*

Perkataan *rahbaniyyah* kata terbitan bagi *rahbah*. Kemudiannya perkataan ini digunakan untuk perbuatan mengerjakan ibadat oleh para rahib di tempat-tempat ibadat serta mengikat diri dengannya dengan cara yang berlebihan daripada apa yang dituntut.

Apabila puak rahib melihat kemungkaran yang dilakukan oleh pemerintah atau raja dan mereka tidak tahan dengan perbuatan tersebut mereka akan mendirikan rumah-rumah ibadat dan mengikat diri mereka dengan beribadat sepenuhnya.

Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

Dan kami jadikan di dalam hati-hati mereka yang mengikutinya perasaan timbang rasa dan kasih sayang. Dan mereka mengada-adakan rahbaniyyah, pada hal kami tidak mewajibkan ke atas mereka, melainkan untuk mendapatkan keredaan Allah, lalu mereka tidak memeliharanya dengan erti kata yang sebenarnya.

(*Surah al-Hadid : 28*)

Di dalam Hadis maksudnya:

Tiada rahbaniyyah di dalam Islam.

Yang dikatakan *rahbaniyyah* itu antaranya ialah pembuangan buah zakar, membelenggu diri dengan rantai dan yang lain-lain seumpamanya yang membawa kepada berbagai-bagai jenis penyeksaan. Rasulullah s.a.w. telah menolak perkara ini daripada Islam seterusnya melarang orang-orang Islam daripada melakukannya. Rasulullah s.a.w. telah memberikan galakan kepada umat Islam supaya berjihad, dengan sabdanya yang bermaksud:

Kamu semua hendaklah berjihad, kerana jihadlah merupakan rahbaniyyah bagi umatku.

Kedua: Pendirian Al-Quran mengenai Irhab

Terdapat perkataan irhab di dalam al-Quran di beberapa tempat dengan menggunakan pelbagai ungkapan, yang keseluruhan maknanya tidak lari daripada pengertian bahasanya sepertimana

yang telah disebutkan sebelum ini, iaitu yang menunjukkan kepada ketakutan dan menakutkan. Ia ditentukan kepada yang takut dan yang menakutkan. Kadangkala di antara makhluk dengan makhluk, dan kadangkala di antara makhluk dengan Pencipta. Maka terdapatlah di dalam al-Quran perkataan *al-rahbaniyyah*, *al-rahbahistirhab* dan *al-rahb* dan lain-lain lagi. Lihatlah apa yang terdapat di dalam surah *al-Baqarah* ayat 40, surah *al-A'raf* ayat 116 dan 154, surah *al-Nahl* ayat 51, surah *al-Anbiya'* ayat 90 dan surah *al-Qasas* ayat 32.

Telah disebut juga di dalam al-Quran perkataan *khauf* (takut) yang maknanya sinonim dengan perkataan *al-rahb* (gerun). Ia menggunakan berbagai-bagai ungkapan dengan pelbagai kaitan.

Apa yang penting bagi kita di dalam kertas kerja ini ialah, penulis ingin membawa di sini perkara yang berkaitan dengan irhab yang disebutkan di dalam dua surah, iaitu surah *al-Anfal* dan surah *al-Hasyr*. Ini kerana kedua-duanya mempunyai kaitan langsung dengan perbincangan kita dan ia memberikan makna yang tepat bagi perkataan irhab seperti yang dikehendaki oleh al-Quran al-Karim.

Di dalam surah *al-Anfal*, ayat 60, firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

Dan siapkanlah untuk menghadapi mereka, kekuatan yang kamu mampu dan dari kuda-kuda yang ditambat untuk berperang, yang mana dengan persiapan itu kamu menggerunkan musuh Allah, musuh kamu dan orang-orang lain selain daripada mereka, yang kamu tidak ketahuinya, sedangkan Allah mengetahuinya. Dan apa saja yang kamu belanjakan pada jalan Allah nescaya akan dibalaskan dengan secukupnya dan kamu tidak akan dizalimi.

Di dalam surah *al-Hasyr* ayat ke-13 Allah s.w.t. berfirman yang bermaksud:

Kamu semua lebih digeruni di dalam dada mereka berbanding dengan kegerunan mereka terhadap Allah. Ini adalah kerana mereka itu merupakan kaum yang jahil.

Daripada kedua-dua ayat di atas kita dapat memahami bahawa al-Quran telah menggunakan perkataan irhab melalui *fe'el mudari' ruba'ia* (تُرهبون) dan *fe'el madhinya* (أرهب) yang mana kedua-duanya menunjukkan kepada ketakutan dan menakutkan.

Adapun ayat daripada surah *al-Anfal*, al-Qurtubi berpendapat:

Maksud daripada menggerunkan musuh Allah dan musuh kamu ialah menggerunkan musuh kamu yang terdiri daripada orang Yahudi dan orang Nasrani, dan juga para kafir Quraisy dan kafir-kafir Arab yang lain. Manakala yang lain itu adalah terdiri daripada kalangan kafir Farsi dan Rom.

Walaupun ayat itu menceritakan mengenai para Muslimin yang menghadapi tentangan

daripada para kuffar Arab Quraisy, musyrikin dan Yahudi atau lain-lainnya, ayat itu juga mencakupi situasi-situasi lain yang serupa bagi para muslimin.

Maka ayat *واخرين من دونهم لا تعلمونهم الله يعلمهم* adalah pemberitahuan yang jelas mengenai umat Islam yang bakal menghadapi permusuhan daripada golongan itu dan golongan lain yang hanya diketahui Allah. Allah Maha Mengetahui mengenai segala-galanya. Sedangkan mereka yang diturunkan kepadanya ayat ini tidak mengetahui mengenai bakal musuh mereka ketika ayat ini diturunkan.

Dengan demikian wajiblah diadakan persediaan dengan menonjolkan kekuatan untuk menggerunkan musuh-musuh yang disebutkan di dalam ayat itu yang meliputi setiap generasi Islam yang menghadapi kezaliman serta permusuhan. Itu adalah jihad di jalan Allah semenjak dahulu hinggalah ke hari kiamat. Sebarang kecuaiian menghadapi musuh Allah adalah dianggap sebagai lari dari medan jihad, dan digolongkan di dalam golongan dosa besar.

Adapun mengenai ayat tiga belas surah al-Hasyr, Imam Qurtubi menjelaskan:

Mereka itu iaitu musuh-musuh kamu berasa gerun kepada kamu lebih daripada kegerunan mereka terhadap Allah s.w.t. kerana mereka tidak memahami dan tidak mengetahui akan keagungan serta kekuasaan Allah s.w.t.

Dan ini adalah kenyataan yang jelas bahawa umat Islam dipertanggungjawabkan untuk menyediakan kekuatan dalam usaha menghalang para musuh daripada mencabuli kesucian Islam. Ini dilakukan dengan cara melahirkan rasa gerun di dalam hati mereka terhadap orang Islam. Sebarang kecuaiian dalam usaha menyediakan kekuatan diri ini adalah dianggap suatu kelemahan yang boleh menjerumuskan umat Islam ke dalam kehinaan, yang seterusnya musuh akan memperkecilkan kita. Ini adalah kerana mereka tidak beriman kepada Allah yang Maha Kuasa yang menjamin kemenangan hambanya yang mukmin. Musuh tidak akan dapat memahaminya melainkan dengan melihat kepada aspek material yang boleh dilihat dengan mata kasar.

Apabila kita kembali kepada kedua-dua ayat di atas kita dapat fahami dengan jelas akan siapakah yang sebenarnya yang patut ditujukan kepada mereka irhab (digerunkan). Dan bilakah irhab itu menjadi sesuatu yang wajib ke atas para Muslimin, dan bilakah penggunaannya menjadi haram atau tidak diharuskan.

Ayat dari surah *al-Anfal* itu telah didahului oleh pernyataan mengenai orang kafir yang mempunyai sifat takbur dan sombong dan mereka hidup di atas muka bumi ini dengan melakukan kerosakan serta menghalakan cabaran mereka terhadap orang-orang Islam kerana mereka mempunyai segala kekuatan dan kemajuan dalam peralatan perang. Dengan demikian mereka merasai yang merekalah yang paling berkuasa manakala yang lainnya lemah. Segala titah perintah

berada di tangan mereka, manakala yang lainnya adalah hamba sahaya kepada mereka. Sehubungan dengan itu Allah s.w.t. berfirman (maksudnya):

Dan janganlah mereka yang kafir itu menyangka yang mereka akan dapat mendahului dan sesungguhnya mereka tidak dapat melemahkan Allah.

(*Surah al-Anfal : 59*)

Selepasnya datanglah ayat yang menuntut supaya diadakan persediaan dan penggerunan terhadap musuh, dan kemudiannya disusuli dengan ayat perdamaian. Ayat perdamaian ini menuntut supaya umat Islam menghentikan usaha penggerunan seterusnya mengadakan perdamaian dengan mereka yang cenderung ke arah perdamaian dengan tidak melakukan permusuhan, kezaliman dan kerosakan. Orang Islam dianjurkan supaya berdamai dengan mereka yang inginkan kedamaian daripada mereka. Seterusnya umat Islam hendaklah bertawakkal kepada Allah. Ini adalah sepertimana firman Allah (maksudnya):

Sekiranya mereka itu cenderung kepada perdamaian maka kamu terimalah dan bertawakallah kepada Allah.

(*Surah al-Anfal : 61*)

Walaupun para ulama berpendapat bahawa ayat di atas telah dinasakhkan dengan ayat mengenai memerangi para musyrikin keseluruhannya, namun pelaksanaan kepada ayat-ayat di atas turut digunakan dalam sejarah Islam semenjak zaman khulafa al-Rasyidin hinggalah ke beberapa abad yang terakhir ini, di mana umat Islam telah mengadakan perjanjian damai dengan musuh mereka yang ingin berbuat demikian. Perkara ini telah membuatkan beberapa orang ulama menetapkan bahawa: harus bagi orang Islam – dalam keadaan yang memerlukan – mengadakan perjanjian damai melalui bayaran kepada musuh sekiranya perkara seumpama itu akan memberikan pulangan yang baik kepada umat Islam. Ini boleh dilakukan dengan syarat umat Islam terus mampu mengekalkan keupayaan mereka dalam menyediakan kekuatan.

Adapun ayat daripada surah *al-Hasyr* didahului oleh kenyataan mengenai orang munafikun, yang akan mengenakan musibah ke atas umat Islam melebihi apa yang dikenakan oleh orang kafir yang terang-terang memusuhi umat Islam. Ini adalah kerana orang munafikun ini bermukamuka menonjolkan diri mereka sebagai orang Islam sedangkan mereka bukan Islam. Dengan demikian mereka lebih banyak memperoleh rahsia-rahsia umat Islam yang terdiri daripada perancangan dan kemampuan ketenteraan umat Islam. Dengan demikian mereka akan memainkan peranan mereka secara sembunyi di dalam menolong musuh Islam yang terdiri daripada ahli

kitab dan lain-lainnya. Sehubungan itu wajiblah ke atas umat Islam berwaspada supaya golongan munafik juga dapat digerunkan sebelum mereka membocorkan segala rahsia kepada pihak musuh. Ini adalah bertujuan supaya mereka itu semua tidak akan memperkecilkan kewibawaan dan kekuatan umat Islam, dan seterusnya dapat mengelak daripada permusuhan dan penguasaan mereka.

Ayat daripada surah *al-Hasyr* ini seterusnya disusuli oleh pelengkap cerita mengenai kerjasama para munafikin dengan musuh-musuh yang terdiri daripada orang kafir, dan mereka ini memainkan peranan syaitan, yang sentiasa menggoda mangsanya dan kemudian membersihkan tangannya daripada dosa dan angkara yang dilakukannya.

Daripada apa yang dikemukakan bolehlah dibuat kesimpulan seperti yang berikut:

1. Bahawa Allah s.w.t. telah menggunakan perkataan irhab dan telah menentukan pihak yang layak dikaitkan dengannya. Dengan demikian tidak harus bagi orang Islam meniru orang kafir dalam menolak istilah ini secara keseluruhannya, dan tidak harus juga bagi orang Islam menerima pakainya secara mutlak tanpa sebarang ikatan dengan apa yang telah ditentukan oleh al-Quran.
2. Bahawa umat Islam adalah dituntut supaya mempertahankan diri mereka daripada sebarang ancaman yang ditujukan kepada mereka. Mereka juga hendaklah berusaha menimbulkan rasa gerun orang kafir terhadap orang Islam. Orang kafir didapati secara berterusan – pada setiap masa dan tempat – mengancam orang Islam dengan berbagai-bagai cara dan bidang seperti politik, ketenteraan dan ekonomi. Perbuatan mereka ini hendaklah disekat dan dikembalikan kepada umat Islam segala hak mereka dengan berlandaskan konsep al-Quran yang mengharamkan kezaliman, serangan dan ancaman sebagaimana firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

Perangilah di jalan Allah mereka yang memerangi kamu, tetapi jangan kamu melampaui batas, sesungguhnya Allah tidak menyukai mereka yang melampaui batas. Dan bunuhlah mereka di mana sahaja kamu temui mereka, dan usirilah mereka dari tempat (Makkah) kamu diusir oleh mereka, dan fitnah itu lebih besar bahayanya daripada pembunuhan. Dan janganlah kamu perangilah mereka di Masjid al-Haram sehingga mereka memerangi kamu di dalamnya. Sekiranya mereka memerangi kamu maka bunuhlah mereka, dan begitulah balasannya terhadap orang-orang kafir. Sekiranya mereka berhenti dari memerangi kamu sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Penyayang. Dan perangilah mereka sehingga tidak ada fitnah dan sehingga agama itu untuk Allah belaka. Sekiranya mereka itu berhenti, maka tidak ada lagi permusuhan melainkan ke atas mereka yang zalim.

(Surah al-Baqarah : 190-193)

3. Sesungguhnya berpegangnya musuh dalam memberhentikan serangannya terhadap umat Islam dan juga janji mereka untuk menghormati hak-hak orang Islam dan juga segala kepentingannya serta perberhentian mereka dalam menghadapi umat Islam dengan berbagai-bagai kegerunan yang mengancam kepentingan umat Islam menghendaki supaya umat Islam membiarkan mereka dengan urusan mereka. Ini adalah kerana penggerunan ke atas umat Islam adalah terikat dengan permusuhan dan kezaliman yang dilakukan oleh musuh terhadap mereka. Umat Islam juga wajib mengekalkan kekuatan dan kemuliaan serta kesediaan mereka dalam menghadapi sebarang ancaman.
4. Perbuatan irhab atau menakutkan ini tidak seharusnya digunakan oleh seseorang muslim terhadap muslim yang lain atas apa jua alasan sekalipun. Kerana untuk penyelesaian perselisihan antara Muslimin terdapat jalan bicara, metodologi, peraturan, dan ajaran yang telah ditetapkan di dalam Quran dan Sunnah. Seseorang Muslim dipelihara darahnya, maruahnyanya dan harta bendanya, dan tidak harus melampauinya dengan irhab, mengancam dan menakutkan. Bahkan wajib diikuti langkah-langkah yang telah digariskan oleh Quran dan Sunnah dalam menyelesaikan kekusutan di kalangan orang Islam melalui cara damai dan bijaksana. Dengan demikian kita fahami bahawa irhab yang disebutkan di dalam al-Quran adalah terbatas kepada golongan kafir yang mengancam dan memusuhi Islam, dan tidak diharuskan penggunaannya ke atas nyawa orang-orang Islam, negara mereka dan juga harta benda mereka.
5. Ternyata dari kedua-dua ayat yang tersebut yang menjelaskan mengenai irhab dan ketentuannya, bahawa mereka yang mempertahankan dirinya, hartanya, agamanya dan juga negaranya dengan cara yang benar adalah mujahid yang menggerunkan musuh Allah dengan hak. Dan mereka ini telah dijanjikan oleh Allah dengan salah satu daripada dua kebaikan iaitu kemenangan ke atas musuh dengan meninggalkan kalimah Allah atau mendapat syahid dengan keredaan Allah dan mendapat kemuliaan di akhirat. Itulah yang telah ditetapkan oleh al-Quran dan telah disepakati umat Islam.

Ketiga: Penggunaan oleh al-Quran Bagi Perkataan Seerti dengan Irhab

Terdapat banyak ayat al-Quran yang menggunakan perkataan lain yang seerti dengan *irhab al-'adu* (menakutkan musuh) dengan tujuan untuk menegaskan bahawa menggerunkan musuh itu adalah salah satu faktor ke arah kemenangan umat Islam. Al-Quran telah menggunakan – berkaitan dengan mereka yang zalim – perkataan, ketakutan, kegerunan, pembunuhan, pemukulan, kehinaan, kepapaan, caci, tawan, halau, menyalibkan, potong tangan dan kaki, kekasaran dan perkataan lain yang sinonim dengan irhab iaitu menggerunkan.

Antaranya ialah firman-Nya yang bermaksud:

Kami akan mencampakkan ke dalam hati-hati mereka yang kafir itu perasaan gerun.

(Surah ali-'Imran : 151)

Firman-Nya lagi yang bermaksud:

Akan Kucampakkan ke dalam hati-hati mereka yang kafir itu perasaan gerun.

(Surah al-Anfal : 12)

Firman-Nya lagi yang bermaksud:

Wahai Nabi, perangilah orang-orang kafir dan orang-orang munafikin, dan berkeraslah dengan mereka.

(Surah al-Tahrim : 9)

Firman-Nya lagi yang bermaksud:

Hai orang-orang yang beriman perangilah orang-orang kafir yang di sekitar kamu itu dan mereka itu hendaklah menerima kekerasan daripada kamu.

(Surah al-Taubah : 123)

Firman-Nya lagi yang bermaksud:

Muhammad Rasulullah s.a.w. dan mereka yang bersamanya adalah keras ke atas orang-orang kafir dan sangat lemah lembut di kalangan mereka sesama sendiri.

(Surah al-Fatah : 29)

Firman-Nya lagi yang bermaksud:

Sesungguhnya mereka yang menyakiti Rasulullah dilaknati oleh Allah di dunia dan di akhirat.

(Surah al-Ahzab : 57)

Firman-Nya lagi yang bermaksud:

Dan dia menurunkan orang-orang ahli kitab (Bani Quraizah) yang membantu golongan-golongan yang bersekutu dari benteng-benteng mereka dan dia memasukkan rasa takut ke dalam hati mereka. Sebahagian mereka kamu bunuh dan sebahagian yang lain kamu tawan.

(Surah al-Ahzab : 26)

Keempat: Al-Quran Menggunakan Istilah-istilah yang Berlawanan dengan Irhab

Banyak terdapat ayat-ayat al-Quran yang menyeru ke arah bertimbang rasa dan keamanan. Bahkan ia adalah ciri khusus yang biasa di dalam al-Quran. Ini adalah kerana Allah s.w.t. itu Maha Pengasih dan Maha Penyayang, serta Maha Sejahtera, Maha Pelindung dan Maha Bertimbang rasa. Allahlah yang menghendaki supaya semua hamba-Nya hidup di dunia ini dengan aman dan stabil dan taat kepada-Nya yang Maha Suci itu dalam keadaan yang jauh daripada kekejaman, perbalahan dan permusuhan.

Al-Quran telah menetapkan tempat-tempat aman. Ia juga telah menentukan masa-masa aman serta keadaan yang mengamankan yang tidak dibenarkan padanya permusuhan, melakukan dosa, benci-membenci dan pertumpahan darah. Dan menyeru ke arah kebaikan dan kebajikan kepada semua perkara dan dalam semua perkara, sama ada kepada hamba sahaya, isteri, kedua ibu-bapa, anak-anak, mereka yang sedang musafir, peminta sedekah, fakir, miskin, anak-anak yatim, para jiran dan kaum kerabat. Ia juga menggalakkan persaudaraan, kesamarataan, kerjasama, berlembut, berbudi pekerti yang tinggi, merendah diri dan mempunyai sifat pemaaf. Ia juga mengharamkan perbuatan membunuh anak-anak, menanam bayi perempuan hidup-hidup dan melakukan kerosakan di atas muka bumi ini. Selain dari itu ia juga melarang menakutkan mereka yang telah menyerah diri untuk mendapatkan keamanan, memakan harta anak yatim dengan cara yang batil, mencuri, merampas, bermegah-megah dengan gelaran, mengumpat, menyebarkan berita keburukan orang lain, berbohong, khianat, seterusnya melarang apa jua yang boleh menyebabkan berlakunya kegerunan terhadap orang lain.

Dengan demikian al-Quran – melalui panduannya – telah dapat merealisasikan kepentingan manusia di dalam hidup mereka, yang mana perkara seumpama ini gagal dicapai oleh mana-mana perundangan atau pemikiran lain. Ini kerana al-Quran adalah panduan daripada Allah s.w.t. yang Maha Pencipta. Allah telah menanam di dalam hati orang mukmin suatu kawalan yang boleh membawa mereka ke arah melakukan perbuatan baik dan seterusnya meninggalkan perbuatan keji tanpa memerlukan kepada undang-undang dunia untuk mengawalinya.

Kelima: Pendirian al-Sunnah terhadap Irhab

Sebagaimana yang diketahui bahawa al-Sunnah adalah sumber perundangan Islam yang kedua selepas al-Quran al-Karim. Ia berperanan menjelaskan apa yang disebut secara *mujmal* di dalam al-Quran. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

Kami telah menurunkan kepada kamu al-Quran agar dapat kamu menjelaskan kepada manusia mengenai apa yang diturunkan kepada mereka.

Ia adalah sunnah Rasulullah s.a.w. yang berkaitan dengan perintah Allah dan wahyunya, sama ada terdiri daripada apa yang dituturkan, dilakukan ataupun diperakui oleh Rasulullah s.a.w. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

Beliau (Nabi Muhammad) tidak mengatakannya sesuka hatinya, tetapi apa yang diperkatakannya itu adalah wahyu daripada Allah s.w.t.

(Surah al-Najm : 302)

Al-Sunnah tidak berlainan daripada apa yang terdapat di dalam al-Quran, bahkan bersamaan sepenuhnya.

Al-Sunnah telah memperakui bahawa irhab dan penggerunan serta pembalasan dikenakan ke atas pengancam yang zalim, yang memfokuskan kerosakan kepada agama orang Islam, harta benda, jiwa, maruah, negara serta tanah air mereka. Ia meminta supaya umat Islam sentiasa berwaspada tentang musuh mereka dengan tidak memandang remeh. Ini kerana yang demikian itu akan menjadikan musuh Islam itu lebih melampau.

Di dalam sebuah hadis (maksudnya):

Seorang lelaki telah datang kepada Rasulullah s.a.w. dan bertanya: Apakah pandangan Rasulullah s.a.w. sekiranya datang seseorang untuk mengambil harta saya? Jawab Baginda: Janganlah kamu berikan kepadanya. Tanya lelaki itu lagi: Bagaimana sekiranya saya diserang. Jawab Baginda: Kamu hendaklah membalas serangan itu. Tanya lelaki itu lagi: Bagaimana sekiranya beliau berjaya membunuh saya. Jawab Baginda: Engkau mati syahid. Tambah lelaki itu lagi: Bagaimana pula sekiranya saya membunuhnya. Jawab Baginda: Orang itu akan masuk neraka.

Al-Sunnah juga memperakui bahawa seseorang itu membunuh ketika mempertahankan tiga perkara, iaitu agamanya, maruahnyanya dan harta bendanya. Dan sesiapa yang tidak marah apabila dibangkitkan kemarahannya dia sebenarnya adalah seekor keldai, kerana beliau adalah seorang yang bodoh yang tidak sensitif dengan kehormatannya.

Rasulullah s.a.w. telah menghapuskan tanggungjawab jenayah daripada pelakunya jika perbuatan itu dilakukan untuk tujuan mempertahankan diri. Sehubungan itu, Baginda bersabda:

Sesiapa yang mengintai ke dalam rumah orang lain tanpa izin tuannya, maka pecahkan biji matanya dan tuan rumah tidak dikenakan sebarang diah mahupun qisas.

Bahkan Rasulullah s.a.w. telah memberi kebenaran kepada semua orang Islam dalam menggunakan apa saja cara yang boleh digunakan untuk mempertahankan diri dan menanam rasa

takut dan gerun di dalam hati penyerang. Baginda membenarkan perbuatan menghina musuh serta melahirkan kemegahan di depan mereka, menyerang benteng mereka, merosakkan kediaman mereka, mengancam segala kepentingan mereka, memporak-perandakan mereka, melemahkan mereka, mengkucar-kacirkan negara mereka yang merancang serangan terhadap orang Islam. Baginda juga mengharuskan pengepungan terhadap sumber bekalan dan kekuatan musuh.

Bukti mengenai apa yang dilakukan oleh Rasulullah sendiri dan panduan kepada para sahabatnya berkaitan dengan perkara ini adalah banyak. Dan apa yang berlaku di dalam peperangan Badar adalah dalil yang jelas tentang keharusan gerakan menggerunkan musuh dan mengembalikan hak-hak yang dirampas daripada orang Islam.

Keenam: Al-Sunnah Menolak Serangan dan Menyeru ke Arah Berlemah Lembut

Suatu gambaran lain yang bertentangan dengan pendirian yang sebelum ini, al-Sunnah telah meminta orang Islam supaya berpegang dengannya ialah: Menjaga keselamatan mereka yang berlandung dengan orang Islam dan juga mereka yang mengadakan perjanjian damai dengan orang-orang Islam. Al-Sunnah juga telah menetapkan belas kasihan ke atas semua makhluk sama ada manusia, binatang dan lain-lain, dan melarang penakutan yang tidak bertempat dan tanpa sebarang kesesuaian.

Sehubungan itu Rasulullah s.a.w. telah menceritakan mengenai seorang wanita yang dimasukkan ke dalam neraka disebabkan oleh seekor kucing yang dikurungnya tanpa memberikan kucing itu makan atau minum. Wanita itu tidak juga melepaskan kucing kurungannya itu supaya dapat memakan binatang-binatang kecil lain yang berkeliaran di atas tanah. Baginda juga menceritakan tentang seorang wanita liar yang dimasukkan ke dalam syurga hanya disebabkan oleh perbuatannya yang memberikan air kepada seekor anjing yang haus yang tidak dapat mencapai air di dalam perigi. Baginda juga melarang perbuatan memaki hamun ayam jantan dengan sabda Baginda yang bermaksud:

“Janganlah kamu memaki ayam jantan, kerana ia menyedarkan manusia dari tidur untuk bersembahyang. Ini semua berkaitan dengan binatang.”

Adapun berkaitan dengan manusia perkara ini lebih jelas dan nyata dengan sabda Baginda yang bermaksud:

Musnahnya dunia ini adalah lebih ringan di sisi Allah daripada membunuh seorang mukmin tanpa jalan yang benar. Baginda juga telah mengenakan tanggungjawab jenayah membunuh ke atas penjenayah walaupun penglibatannya hanyalah sedikit sahaja.

Sabda Baginda lagi yang bermaksud:

Sesiapa yang membantu di dalam pembunuhan orang mukmin walaupun dengan menggunakan separuh perkataan, dia akan menemui Allah dalam keadaan tertulis di antara dua matanya: tidak mendapat rahmat Allah. Sufian membawa contoh mengenai perkara itu, umpamanya seseorang itu hanya mengatakan bu..... dengan tidak melengkapkan perkataan bunuh!.

Perkara di atas tidak terbatas kepada orang Islam sahaja bahkan meliputi orang-orang bukan Islam yang tidak memusuhi orang-orang Islam. Sehubungan itu Rasulullah s.a.w. bersabda (maksudnya):

Sesiapa yang membunuh seseorang dari golongan zimmi, dia tidak akan mencium bau syurga. Baunya terletak sejauh tujuh puluh tahun perjalanan.

Al-Sunnah juga melarang sebarang pergerakan yang menimbulkan rasa gerun di kalangan orang lain tanpa jalan kebenaran. Sehubungan itu Rasulullah s.a.w. bersabda (maksudnya):

Janganlah sesiapa pun di kalangan kamu mengacukan senjata ke arah saudaranya. Kerana dia tidak mengetahui boleh jadi syaitan akan menarik tangannya dan jatuhlah ia ke dalam lubang api.

Sabda Baginda lagi (maksudnya):

Sesiapa yang mengacukan besi kepada saudaranya ia akan dilaknati oleh malaikat sehinggalah beliau berhenti daripada melakukannya.

Sabda Baginda lagi (maksudnya):

Adalah haram bagi seseorang Muslim itu menakutkan seseorang Muslim yang lain.

Manakala di dalam hadis lain pula maksudnya:

Sesiapa yang menakutkan seseorang mukmin maka Allah berhak untuk tidak memberi keamanan daripada kegerunan hari kiamat kepadanya.

Menyakiti perasaan orang lain juga merupakan sesuatu yang dilarang al-Sunnah. Sehubungan itu Baginda s.a.w. bersabda (maksudnya):

Mencaci orang Islam adalah perbuatan fasik manakala memerangnya adalah kufur.

Sabda Baginda s.a.w. lagi (maksudnya):

Sesiapa yang mengatakan kepada saudara, "hai kafir," maka ianya akan kembali kepada orang yang mengatakannya.

Al-Sunnah juga menolak perbuatan bergembira terhadap kesakitan yang dialami oleh orang lain. Sehubungan itu Rasulullah s.a.w. bersabda (maksudnya):

Jangan kamu menonjolkan kegembiraan kamu di atas kesakitan yang dialami oleh saudara kamu, nescaya Allah akan merahmatinya dan mengenakan bala ke atas kamu.

Al-Sunnah juga melarang perbuatan saling putus memutuskan persaudaraan, benci-membenci, saling berhasad dengki serta menjatuhkan air muka seseorang. Perbuatan seumpama itu dijanjikan neraka.

Terdapat satu cerita mengenai seorang Badwi telah kencing di dalam masjid. Maka orang ramai telah bangkit untuk memukuhnya. Sehubungan itu Rasulullah s.a.w. bersabda (maksudnya):

Lepaskan dia, simbahkan kencingnya dengan sebaldi air. Sesungguhnya kamu diutuskan dengan diberi kemudahan dan bukannya diberikan kesusahan.

Manakala di dalam hadis lain pula maksudnya:

Kamu semua hendaklah mempermudah dan janganlah menyukarkan. Dan berikanlah kegembiraan dan jangan berikan kedukaan.

Rasulullah s.a.w. tidak memilih di antara dua perkara melainkan ia memilih yang termudah selagi perbuatan itu tidak mendatangkan dosa. Sekiranya mendatangkan dosa Baginda s.a.w. akan menjauhkan orang daripada perkara itu. Baginda juga tidak pernah membalas dendam terhadap segala kesilapan yang dilakukan kepadanya. Melainkan jika sesuatu perbuatan itu melanggar larangan Allah barulah Baginda membalasnya kerana Allah s.w.t.

Al-Sunnah telah menyeru ke arah banyak perkara yang boleh meringankan beban orang ramai, dan seterusnya memberikan kebahagiaan kepada mereka. Baginda telah memerintah supaya berlemah lembut dan tidak berkasar di dalam semua perkara. Sabda Baginda s.a.w. (maksudnya):

Sesungguhnya Allah maha kasihan belas dan Allah sukakan kasihan belas di dalam semua perkara.

Sabda Baginda s.a.w. lagi (maksudnya):

Iman itu lebih daripada tujuh puluh cabang, yang paling afdal sekali ialah mengucapkan لا اله الا الله dan yang paling rendah sekali ialah membuang sesuatu yang memudaratkan dari tengah jalan. Manakala perasaan malu pula adalah satu cabang daripada cabang-cabang iman.

Di dalam hadis lain pula Baginda s.a.w. bersabda (maksudnya):

Kasihaniilah orang lain nescaya kamu akan dikasihani, dan maafkanlah orang nescaya kamu akan dimaafi.

Al-Sunnah juga telah menjadikan berbudi pekerti mulia itu adalah suatu ibadat yang tidak kurang pahalanya daripada ibadat-ibadat lain. Sabda Baginda s.a.w. (maksudnya):

Sesungguhnya Allah meletakkan darjah budi pekerti yang mulia itu sama dengan sembahyang dan puasa.

Untuk merealisasikan perkara di atas al-Sunnah telah menyeru ke arah memberi dan mengucapkan salam di dalam masyarakat dan menjadikannya sebagai salah satu jalan ke syurga. Pemberian salam ditetapkan sama ada kepada orang yang dikenali ataupun tidak dikenali.

Di dalam al-Sunnah dan juga amalan yang dilakukan oleh para khulafa al-Rasyidin dan juga para sahabat dan para tabi'in, banyak perkara yang dilaksanakan yang memperkukuh lagi kerahmatan Islam dan interaksinya bersama makhluk secara lemah lembut, kasihan belas dan kebajikan sama ada di kalangan manusia, binatang, tumbuhan, batu batan dan lain-lain. Dan apakah pendirian Umar bin Al'As dan kata-katanya yang masyhor terhadap anaknya ketika anaknya melakukan sesuatu yang melampaui batas terhadap seorang lelaki Kibti di Mesir, katanya:

Bilakah pula kamu menjadikan orang ramai hamba kamu, sedang ibu bapa mereka melahirkan mereka dalam keadaan merdeka. Ini merupakan salah satu bukti kepada penghormatan Islam terhadap hak-hak orang lain tanpa menakutkan mereka dengan jalan yang tidak benar.

Ketujuh: Irhab di dalam Islam adalah Persediaan dan Bukannya Permusuhan

Selepas menganalisis al-Quran dan al-Sunnah kita telah memahami makna irhab yang dikehendaki. Seterusnya kita boleh memberi pengertian yang boleh menentukan tanda-tandanya serta bilakah ia menjadi terpuji dan bilakah pula ia menjadi keji.

Dengan demikian irhab bolehlah diertikan sebagai suatu persediaan yang lengkap oleh orang Islam dengan segala keupayaan yang ada pada mereka yang terdiri daripada berbagai-bagai cara untuk menakutkan musuh-musuh Allah dan juga musuh mereka sendiri seterusnya menghalang mereka daripada mencabuli sekatan dan larangan agama, darah, harta, tanah air, maruah dan pemikiran. Ini adalah dengan tujuan untuk menyekat segala niat buruk musuh terhadap mereka serta menyekat kezafiman dan serangan sama ada dengan perbuatan atau dengan yang lainnya.

Dengan demikian irhab yang dituntut yang pertamanya ialah pemberitahuan kepada musuh mengenai kekuatan dan kemampuan orang Islam yang tidak dapat dihadapi oleh mereka, sekiranya mereka tidak memberhentikan kegiatan mereka melakukan permusuhan terhadap orang Islam. Maka menjadi kewajipan orang Islam untuk menyekatnya dan mengancam kepentingan mereka dengan segala kekuatan dan segala cara yang ada, di mana-mana dan pada bila-bila masa sahaja. Ia adalah jihad suci.

Hak yang sedemikian diterima oleh semua agama, semua peraturan dan undang-undang, semua pemikiran yang sempurna. Manakala perkara yang sebakiknya adalah kebaculan dan penyerahan kepada kejahatan berbanding kebaikan yang membawa kepada kemusnahan yang besar di atas muka bumi ini.

Kelapan: Irhab Menurut Fahaman Barat

Selepas serangan 11 September 2000 yang memusnahkan dua menara kembar di Amerika Syarikat maka muncullah dengan jelas istilah irhab (keganasan) di dalam media massa Amerika dan juga negara-negara Eropah. Maka masuklah istilah tersebut dipersada antarabangsa dan menjadi sebutan di kalangan ahli politik, media massa dan para pemikir. Sedangkan penyerangnya belum lagi ditentukan sehingga ke hari ini.

Akan tetapi kita tidak mendapati ketentuan yang jelas mengenai perkataan irhab, supaya jelas siapakah irhabi (pengganas) pada kaca mata mereka dengan lebih jelas. Dengan demikian mereka telah melemparkan tuduhan kepada orang lain bahawa orang lainlah pengganas. Tuduhan ini dikemukakan semata-mata mengikut hawa nafsu mereka. Dengan demikian mereka telah menetapkan berbagai-bagai ketetapan dan mereka telah menjalankan pelbagai jenayah terhadap bangsa-bangsa yang tidak berdosa di bawah tajuk keganasan.

Apabila sesuai, mereka akan menyenaraikan negara-negara, pertubuhan dan individu-individu di dalam senarai keganasan mereka. Apabila mereka ingin menjajah dan menguasai kekayaan sesuatu negara, mereka akan menetapkan bahawa rakyat negara berkenaan terdiri daripada irhab (pengganas) dengan tujuan untuk melindungi perbuatan keji mereka.

Banyak pertubuhan kebajikan yang tiada kaitan langsung dengan keganasan telah disekat. Turut

disekat mereka yang telah menghulurkan bantuan yang membuatkan mereka terus meninggalkan gerakan menyelamatkan seterusnya menyekat mereka yang perlu mendapatkan bantuan darinya.

Berapa banyak negara dimusnahkan pembangunannya, dicuri kekayaannya, ditawan dan dibunuh penduduknya dan dicabuli segala larangannya hasil tohmahan yang dibuat bahawa negara tersebut negara pengganas.

Perbuatan menghukum pihak lain sebagai pengganas telah menjadi hukuman rimba, yakni pihak yang kuat akan memakan yang lemah. Manakala yang zalim pula menjadi pihak yang benar, dan pihak yang dianiaya pula terus dianggap sebagai penjahat yang terus dihina dan dihukum tanpa sebarang pertanyaan dan tanpa mendapat sebarang pembelaan sama ada dalam mendapatkan yang hak, mahupun dalam menghapuskan kebatilan.

Golongan ini menggunakan dua neraca dan dua penyukat yang berbeza. Mereka membenarkan negara-negara tertentu untuk memiliki sepenuhnya apa saja jenis senjata yang mereka suka, tanpa mengambil kira apakah jenisnya, walaupun ia merupakan senjata pemusnah. Pada masa yang sama mereka mengharamkan negara-negara lain daripada memiliki senjata yang sedemikian tanpa sebarang alasan. Dan secara zalim mereka ini telah berpihak kepada golongan perampas dengan menolong mereka dan menentang tuan punya hak di tanah air mereka sendiri.

Penggunaan perkataan pengganas di kalangan golongan yang zalim ini adalah semata-mata mengikut hawa nafsu mereka. Sedangkan keganasan yang sebenarnya tumbuh di kalangan mereka sendiri, dan merekalah sebagai pelopornya. Ini adalah seperti yang telah disebutkan di dalam lembaran sejarah.

Merekalah yang pertama sekali yang telah melakukan perbuatan merampas kapal terbang, dan merekalah juga yang mencipta sekatan-sekatan ke atas bangsa lain.

Bukankah perbuatan menghalang orang lain daripada mendapatkan makanan itu suatu keganasan?

Bukankah perbuatan menawan negara lain dan mencabulinya itu suatu keganasan?

Bukankah perbuatan memusnahkan tempat kediaman dan menakutkan orang lain itu suatu keganasan?

Bukankah perbuatan melepaskan tembakan terhadap orang ramai di negara dan rumah mereka sendiri suatu keganasan?

Bukankah perbuatan menyebarkan tentera di segenap jalan dan memeriksa orang ramai dengan kasar dan keras itu suatu keganasan?

Bukankah perbuatan menguasai harta benda dan sumber kekayaan orang lain itu merupakan suatu keganasan?

Bukankah perbuatan menyekat perkembangan ilmu dan peranan para ulama dan saintis itu suatu keganasan?

Bukankah perbuatan mengugut sehingga orang yang diugut itu tunduk suatu keganasan?

Bukankah perbuatan memusnahkan, membakar dan mencuri harta orang lain serta melakukan kerosakan dan perogolan itu suatu keganasan?

Kesembilan: Siapakah yang Menghukum Amerika yang Ganas Itu

Sejarah Amerika dipenuhi dengan berbagai-bagai jenayah dan musibah. Sejarahlah yang menjadi sebaik-baik saksi tentang apa yang berlaku di Hiroshima, Palastin, Afghanistan, Iraq dan lain-lain. Semua ini adalah bukti kepada keganasan Amerika yang tersusun yang didokong oleh kekuatan. Siapakah yang akan menghukum pengganas ini? Undang-undang manakah yang boleh membawa mereka ke muka pengadilan? Pihak manakah yang boleh menjatuhkan hukuman ke atas segala jenayah yang dilakukan oleh penjenayah ini?

Soalan di atas tiada siapa pun yang boleh menjawabnya dengan betul. Sekiranya dikatakan bahawa Bangsa-bangsa Bersatu dan juga Majlis Keamanan adalah hakim, maka apakah yang telah dilakukan oleh badan dunia itu – yang dilahirkan semata-mata untuk mati. Apakah ketetapan yang telah dikeluarkan untuk menolak perbuatan Amerika menyerang dan menguasai negara-negara dunia?

Apakah yang telah dilakukan oleh badan dunia itu dalam memelihara rakyat Palestin yang sentiasa dihalau, disembelih, dijajah tanah air, dimusnah ladang-ladang dan diruntuhkan rumah-rumah mereka. Semuanya ini dilakukan oleh golongan Yahudi Zionis dengan bantuan Amerika tanpa batas dan seluruh dunia mengetahui dan menyaksikannya.

Apakah yang telah dikatakan oleh badan dunia itu mengenai kewujudan tentera Amerika di Afghanistan dan di Iraq, yang seluruh dunia menyaksikannya sebagai suatu penjajahan, keganasan, rampasan, pemusnahan, pembunuhan dan pembakaran.

Badan dunia itu tidak melakukan sesuatu pun, bahkan Amerikalah yang memerintah dan Amerikalah yang melaksanakan rancangan keganasannya ke atas para pejuang yang mempertahankan hak-hak mereka daripada serangan para penceroboh zalim yang berterusan di dalam kezaliman mereka.

Kesepuluh: Resolusi dan Pendirian Umat Islam terhadap Irhab

Setelah pihak musuh mencampuradukkan konsep irhab dan menjadikannya sebagai suatu permainan yang membolehkan mereka berkuasa sekehendak hati, maka menjadi kewajipan seluruh umat Islam – sama ada pemimpin juga rakyat – untuk kembali kepada apa yang telah ditetapkan oleh agama Islam dan mengambil langkah-langkah yang selaras dengan ajaran al-Quran dan juga al-Sunnah. Sehubungan itu saya kemukakan beberapa resolusi yang pada pandangan saya adalah amat penting:

1. Telah tiba masanya untuk menyatupadukan umat Islam di bawah satu kalimah. Para pemerintah diminta supaya memberi pertimbangan dan menghormati perasaan rakyat mereka. Manakala rakyat pula diminta bersama pemimpin mereka yang ikhlas dengan memberi pandangan dan nasihat yang lembut di samping mengelakkan perpecahan. Dengan demikian kehendak rakyat akan menjadi kehendak yang sama dengan apa yang dikehendaki oleh para pemimpin. Seterusnya tidak akan timbul lagi sebarang perselisihan, pertentangan dan mala petaka di dunia Islam.
2. Seluruh umat Islam hendaklah mempunyai pandangan yang satu, dengan erti kata yang sebenarnya mengenai konsep "al-Irhab" terutama sekali di kalangan para ulama dan para fuqaha serta para pemikir. Mereka hendaklah meletakkan definisi yang jelas dan ketentuan-ketentuan yang teliti seterusnya menetapkan hukuman ke atas mereka yang melanggarnya, dan membebaskan mereka sejajar dengan apa yang telah disepakati oleh seluruh umat Islam. Seterusnya mengisytiharkannya kepada dunia tanpa segan silu dan meminta semua negara Islam – melalui Pertubuhan Persidangan Islam – supaya menerima pakai fatwa yang berkaitan dengan perkara ini, tanpa mempedulikan apa yang dikehendaki oleh pihak kafir dan sesat itu yang ingin mengenakan sesuatu kejahatan terhadap rumah tangga Islam yang besar ini.
3. Syariah mewajibkan setiap orang Muslim dalam mana-mana politik, tanggungjawab, pengetahuan, masyarakat dan ekonomi hendaklah mengutuk segala perbuatan ganas yang disokong oleh kekuatan negara serta menolak penguasaan yang dihadapkan kepada orang Islam di negara-negara mereka terutama sekali di Palestin, Iraq dan Afghanistan, dan hendaklah dituntut supaya penceroboh dihalang daripada mendapatkan sebarang kemudahan sama ada di laut, di darat dan di udara.

Allah s.w.t. pemberi taufik dan hidayat dan petunjuk ke arah jalan yang lurus.